

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI PAHANG**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Bagi LKAN Tahun 2022, sebanyak dua pengauditan telah dilaksanakan yang melibatkan satu agensi dan syarikat Kerajaan Negeri.

1.1. Dua pengauditan yang dilaksanakan merangkumi seperti berikut:

- a. pengauditan aktiviti agensi Kerajaan Negeri di Majlis Daerah Maran (MDM) melibatkan 28 projek harta tanah komersial bagi tahun 2010 hingga 2022; dan
- b. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri di Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dengan modal berbayar berjumlah RM190.20 juta.

1.2. Secara keseluruhannya, daripada dua pengauditan yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:

a. Bagi aspek penilaian pencapaian output didapati:

- i. pencapaian pembangunan projek harta tanah komersial di daerah Maran yang dilaksanakan oleh MDM, pihak swasta dan secara usaha sama adalah baik kerana 23 (82.1%) daripada 28 projek pembangunan yang diluluskan berjaya disiapkan mengikut perancangan dalam RTD Maran 2008-2020; dan
- ii. prestasi pengeluaran dan pembekalan air terawat; prestasi pengeluaran bil dan kutipan; dan prestasi jualan air adalah baik. Namun begitu, prestasi kos operasi membekalkan air terawat adalah kurang memuaskan kerana melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2022.

b. Bagi aspek penilaian pencapaian keberhasilan didapati:

- i. pembangunan projek harta tanah komersial di daerah Maran yang dilaksanakan berjaya menyediakan kemudahan komersial yang dapat memberi manfaat kepada golongan sasar. Peningkatan bilangan pegangan premis perniagaan dan hasil kutipan aktiviti perniagaan/perkhidmatan telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan MDM; dan

- ii. PAIP berjaya mencapai objektif penubuhannya berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan penyenggaraan aset air walaupun sasaran KPI tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana kekangan kewangan. Bagaimanapun, pencapaian keberhasilan daripada aspek tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan pembekalan air dan pembayaran dividen keuntungan adalah kurang memuaskan.
 - c. Berdasarkan aspek pengurusan aktiviti didapati:
 - i. pelaksanaan lima projek secara usaha sama adalah kurang baik kerana dua projek terbengkalai dan satu projek tidak dilaksanakan sejak tahun 2008; proses pemilihan syarikat pemaju untuk melaksanakan projek usaha sama tidak dapat ditentukan kerana ketiadaan garis panduan yang jelas dan pengurusan rekod yang tidak teratur; dan penyediaan kontrak perjanjian tambahan bagi projek usaha sama adalah lemah kerana klausa tempoh penyiapan tidak dinyatakan;
 - ii. pengurusan aktiviti pengeluaran dan pembekalan air terawat; dan pengurusan kutipan hasil air terawat PAIP adalah kurang cekap kerana penyimpanan peralatan agihan di Loji Rawatan Air Seberang Temerloh tidak disenggara dengan teratur; projek perbelanjaan modal (CAPEX) tidak dilaksanakan mengikut jadual; peratusan aduan yang diselesaikan rendah; kadar air tidak berhasil (NRW) yang disasarkan tidak tercapai; kadar penggantian meter yang rendah; tunggakan hutang yang tinggi kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB); tunggakan hasil air semakin meningkat setiap tahun; dan pelupusan inventori adalah tidak teratur; dan
 - iii. tadbir urus korporat PAIP adalah baik walaupun tiga daripada lapan aspek tidak diamalkan sepenuhnya iaitu aspek Prosedur Operasi Standard (SOP), KPI dan Jawatankuasa Audit (JKA). Bagaimanapun, kedudukan kewangan PAIP adalah kurang stabil kerana mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM1,085.31 juta pada tahun 2022.
2. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan sembilan syor untuk diambil tindakan oleh Agensi dan Syarikat yang berkaitan. Sebanyak tiga syor dikemukakan kepada Majlis Daerah Maran manakala enam syor dikemukakan kepada PAIP.